

Headline	UNITEN tubuh hab penyelidikan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 May 2018	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Varsiti	Page No	V58
ArticleSize	291 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 29,979		



# UNITEN tubuh hab penyelidikan

**Bangi:** Bagi memastikan aktiviti penyelidikan dilakukan secara strategik dan menyeluruh, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) melancarkan hab penyelidikan atau lebih dikenali dengan nama *UNITEN Research Hub* membabitkan gabungan enam institut penyelidikan penting universiti berkenaan.

Enam institut penyelidikan itu ialah Institut Kejuruteraan Kuasa (IPE), Institut Tenaga Lestari (ISE), Institut Polisi dan Penyelidikan Tenaga (IEPRE), Institut Informatik dan Komputeran Tenaga (IICE), Institut Infrastruktur Tenaga (IEI) dan Jabatan Inovasi dan Penguasaan Penyelidikan (IRMC).

Naib Canselor UNITEN, Prof Datuk Ir D Kamal Nasharuddin Mustapha, berkata pihak universiti berbangga dengan pelbagai kejayaan

yang berjaya diraih universiti baik dari aspek akademik mahupun penyelidikan.

“UNITEN berjaya mencapai kejayaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa termasuklah menduduki tangga ke 243 dalam QS Asia University dan tangga 171 dalam Times Higher Education World University Ranking.

### **Bermutu tinggi**

“Jadi, saya berharap gabungan strategik enam institut penyelidikan di bawah *UNITEN Research Hub* ini akan terus memacu aspek penyelidikan universiti serta meraih pelbagai kejayaan di peringkat tempatan dan antarabangsa,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian hab penyelidikan itu, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik

& Penyelidikan) UNITEN, Prof Datuk Ir Dr Ibrahim Hussein Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof Dr Mohd Zamri Yusoff dan Penolong Naib Canselor (Penyelidikan), Prof Datin Ir Dr Lariyah Mohd Sidek.

Sementara itu, Prof Lariyah berkata, penubuhan hab penyelidikan itu mampu meningkatkan kedudukan UNITEN pada arena penyelidikan apabila penyelidik berjaya meraih markah tinggi di Malaysia Research Assessment (MyRA) dan Higher Institution Centre of Excellence (HiCOE).

Katanya, sudah tiba masanya universiti merancang secara strategik dan memastikan aktiviti penyelidikan dilakukan berdasarkan keperluan MyRA dan HiCOE.

“Sebagai seorang penyelidik, saya amat memahami

Headline	UNITEN tubuh hab penyelidikan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 May 2018	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Varsiti	Page No	V58
ArticleSize	291 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 29,979		



**Prof Ibrahim (tengah) pada majlis** perasmian Hab Penyelidikan UNITEN, Bangi, baru-baru ini

perit getir yang dilalui bagi menghasilkan hasil penyelidikan bermutu tinggi, sekaligus berupaya menaikkan nama universiti.

“Saya percaya UNITEN mampu bersaing dengan

universiti penyelidikan yang tersohor di Malaysia dan antarabangsa, jika kita fokus dan komited mengembleng tenaga sebagai satu pasukan,” katanya.

Sempena majlis itu,

anugerah kecemerlangan penyelidikan turut disampaikan kepada tokoh dan jabatan yang dikenal pasti banyak menyumbang kepada kecemerlangan penyelidikan UNITEN.